

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 15 DISEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 13

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1433-MQT1139
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah menangani keputusan mengejut Fitch Ratings menyemak turun penarafan kredit Malaysia. Sungguhpun Belanjawan 2021 ditumpukan untuk mempertahankan taraf kredit negara melalui konsolidasi fiskal, ia gagal mengatasi kemerosotan metrik kredit, khususnya ketidakstabilan politik, kegagalan mengamalkan tata kelola baik dan ketelusan, seperti menggantikan Lembaga Pengarah GLC profesional dengan lantikan politik. Nyatakan dasar untuk memulihkan taraf kredit negara.

2. PR-1433-MQT1142
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berikutan pendedahan Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini berkait penyalahgunaan dana Kerajaan oleh MIMOS Berhad, bolehkah diberikan pencerahan apa sebenarnya yang berlaku dan ke manakah sebenarnya perbelanjaan yang telah diperuntukkan di bawah RMK-10 dan RMK-11 telah dibelanjakan serta bagaimana MIMOS boleh melaporkan pencapaian 100% untuk RMK-10 sedangkan mengikut laporan audit, MIMOS hanya membelanjakan RM53.05 juta untuk membeli peralatan aset berkaitan R&D berbanding jumlah yang diberi iaitu sebanyak RM154.22 juta. Ke manakah baki lebih RM100 juta itu dibelanjakan.

3. PR-1433-MQT1120
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah inisiatif atau skim yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk membantu peniaga dan usahawan yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Adakah SSM menyediakan sebarang bantuan untuk membantu golongan orang kelainan upaya (OKU), wanita, belia dan pelajar yang baru memulakan perniagaan mereka.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 15 DISEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 53

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1433-L10255
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah yang dibuat untuk meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk datang melabur di Malaysia. Nyatakan jumlah pelaburan yang diterima dalam sektor pembuatan (*manufacturing*) pada tahun 2018 dan 2019.

2. PR-1433-L10810
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan jumlah penerima dan tempoh masa bagi Program Subsidi Upah sehingga pandemik COVID-19 ini selesai.

3. PR-1433-L10643
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah perancangan masa kini yang akan dilaksanakan bagi menangani masalah penternakan ikan air tawar di Empangan Batang Ai yang terjejas akibat dari fenomena COVID-19 yang melanda keadaan sekarang.

4. PR-1433-L11197
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan Kementerian untuk membantu pengendali bas sekolah dan bas berhenti-henti yang terjejas dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berlanjutan di Sabah, terutamanya di Sandakan.
5. PR-1433-L10616
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah kemampuan syarikat penerbangan di Malaysia terutamanya Malaysia Airlines (MAS) mampu bertahan dalam krisis ekonomi kesan daripada pandemik COVID-19.
6. PR-1433-L10489
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan tindakan dan perancangan Kementerian bagi memelihara kawasan tadahan air Ulu Muda termasuk mengelakkan berlakunya insiden pencemaran di Sungai Muda. Adakah lokasi yang menjadi sumber air amat penting kepada negeri-negeri Utara Semenanjung berkaitan akan dibuka untuk aktiviti pembalakan, jika ya kenapa.
7. PR-1433-L11096
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah mekanisme yang dirangka oleh pihak Kementerian bagi membantu serta memulihkan semula industri penerbangan tambang murah kerana sebelum ini turut membantu meningkatkan perkembangan ekonomi negara.
8. PR-1433-L11415
Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan menjelaskan polisi Kementerian dalam membantu golongan B40 memiliki rumah oleh syarikat-syarikat pemaju gergasi seperti Eco World.
9. PR-1433-L10114
Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status Kolej FELCRA Changkat Lada, jumlah pelajar sekarang dan perancangan untuk membina kampus tetap di Changkat Lada, Seberang Perak.

10. PR-1433-L10160
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan menjelaskan apa rancangan jangka masa pendek dan panjang untuk mengurangkan kepadatan banduan di semua penjara untuk membendung penularan penyakit berjangkit.
11. PR-1433-L10233
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk menaik taraf semua menara-menara komunikasi di kawasan Parlimen Hulu Rajang kepada 4G.
12. PR-1433-L10211
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-
 - (a) apakah input yang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dapat daripada orang awam berhubung bantahan awam ke atas Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 yang dipamerkan sebelum ini ; dan
 - (b) apakah pindaan deraf yang bakal dicadangkan untuk dimasukkan.
13. PR-1433-L10916
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bilakah projek pemecah ombak di muara Sungai Dungun akan dilaksanakan, ini kerana berdasarkan kesulitan bot-bot nelayan keluar masuk terutama pada musim tengkujuh yang boleh mengakibatkan kemalangan nyawa.
14. PR-1433-L10526
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan komitmen dalam mencegah aktiviti penipuan (*scam*) dan perjudian secara atas talian.
15. PR-1433-L11145
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kedudukan mula kerja dan perlaksanaan bagi pembinaan Balai Bomba Trong di Pekan Trong, Parlimen Bukit Gantang. Maklumat yang diterima, Kementerian Kewangan telahpun meluluskan peruntukan ini.

16. PR-1433-L10994
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kes COVID-19 di penjara-penjara Malaysia dan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi kes-kes tersebut serta memastikan keselamatan tahanan-tahanan dan juga pegawai-pegawai penjara serta polis dan semua pihak lain yang terlibat dalam urusan penjara.
17. PR-1433-L10787
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan rebat/insentif pengecualian cukai korporat kepada agensi/pihak yang terlibat memajukan pembangunan tanah terbiar di luar bandar.
18. PR-1433-L10463
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan perincian pembiayaan sejumlah RM5 juta kepada 82 usahawan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang dan perkembangan projek pembiayaan tersebut.
19. PR-1433-L10297
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sebarang mekanisme baharu untuk menyekat sindiket perjudian dalam talian bagi semua platform media sosial yang semakin berleluasa.
20. PR-1433-L10311
Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
(a) adakah benar bahawa Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) akan menjual bangunan mereka di Bukit Damansara dan membeli bangunan baru di tempat yang lain; dan
(b) adakah kajian telah dilakukan untuk memastikan ini adalah keputusan yang tepat.
21. PR-1433-L10380
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi bantuan khas kepada petani-petani dan nelayan bagi membantu golongan ini yang terjejas akibat daripada penularan pandemik COVID-19 serta persediaan menghadapi musim tengkujuh setiap hujung tahun.

22. PR-1433-L10535
Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana keberhasilan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan kerajaan awal tahun ini, bagi menggerak serta memulihkan ekonomi negara.
23. PR-1433-L10514
Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan :-
- (a) berapa peruntukan dari Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran ternakan ruminan di Sarawak; dan
 - (b) apakah perancangan Kementerian untuk menentukan '*Self-Sufficiency Level*' (SSL) bagi daging lembu dan kambing dapat ditingkatkan.
24. PR-1433-L10678
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengapa pembinaan hotel 15 tingkat di Bukit Fraser dibenarkan tanpa penilaian impak alam sekeliling yang menyeluruh dan tanpa berunding dengan penduduk tempatan sedangkan kawasan tersebut merupakan kawasan sensitif alam sekitar.
25. PR-1433-L10223
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jelaskan adakah Kerajaan berpendapat negara tidak lagi memerlukan perkhidmatan penerbangan nasional jika dibiarkan Malaysia Airlines dibelenggu masalah kewangan yang kritikal.
26. PR-1433-L11035
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan khususnya di Melaka sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan dan apakah rancangan Kementerian untuk meningkatkan lagi kecekapan PBT untuk membendung penularan wabak COVID-19.

27. PR-1433-L10874
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah ada usaha mempertingkatkan dan mengkaji semula 'Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit Dan Tanah Tinggi', serta program 'Audit bagi Projek Keselamatan Cerun' supaya masalah cerun runtuh dapat diatasi dan keselamatan penduduk terpelihara.
28. PR-1433-L10374
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil dalam membantu pekebun kecil terutamanya pekebun kecil nanas di Sarawak amnya dan di Serian khasnya bagi memasarkan produk mereka.
29. PR-1433-L10251
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan usaha Kementerian menyediakan bekalan air bersih kepada rumah-rumah panjang yang terletak di dalam kawasan FELCRA dan SALCRA di Sarawak memandangkan sungai-sungai di kawasan tersebut telah tercemar.
30. PR-1433-L10942
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan bagi memulihkan ekonomi setempat yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) seperti di Sabah, Kuala Lumpur, Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.
31. PR-1433-L10974
Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini siasatan dan tindakan terhadap kes kematian pegawai bomba, Allahyarham Muhammad Adib bin Mohd Kassim sedangkan Mahkamah Koroner telah pun membuat keputusan bahawa tragedi tersebut adalah disebabkan oleh pelakuan jenayah dan apakah rancangan lanjut Kementerian bagi membolehkan keadilan terlaksana.
32. PR-1433-L11109
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terkini perjanjian jual-beli saham Bandar Malaysia Sdn. Bhd. terutamanya sama ada bayar RM1.1 bilion telah dibuat sebelum 15 September 2020 dan syarat-syarat pembelian sebelum 5 November 2020.

33. PR-1433-L11128
Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan anggaran pampasan yang perlu dibayar kepada Syarikat Dhaya Maju LTAT ekoran pembatalan kontrak projek KVDT2.
34. PR-1433-L11350
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan cabaran yang menjadi halangan kepada implementasi insurans tanaman terutamanya bagi tanaman utama yang menjamin sekuriti makanan negara iaitu padi.
35. PR-1433-L10203
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan ada rancangan untuk mengembalikan sistem cukai GST. Apakah kesannya ke atas rakyat berpendapatan rendah dan impak terhadap ekonomi negara.
36. PR-1433-L10412
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibüti] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah perancangan pihak Kerajaan untuk bina baru gantian penuh pejabat polis serta kuarters yang daif bagi Balai Polis Bekenu; dan
 - (b) apakah perancangan bagi mewujudkan unit trafik di Balai Polis Bekenu bagi menangani masalah kes kemalangan.
37. PR-1433-L10427
Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kepatuhan kepada SOP COVID-19 oleh Pihak Jabatan Penjara sehingga berlakunya kluster Benteng LD Sabah.
38. PR-1433-L10433
Tuan Pang Hok Liang [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian Kewangan bercadang untuk menurunkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate or QPR*) kepada paras 1.25% untuk menyokong persekitaran ekonomi dan mempercepatkan kadar pemulihan ekonomi negara. Kalau tidak, kenapa tidak.

39. PR-1433-L10079
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah fungsi Penggerak Komuniti Tempatan (PeKT) dan berapa jumlah pelantikan, jumlah peruntukan pengurusan dan peruntukan program Penggerak Komuniti yang dilancarkan baru-baru ini dan berapa gaji/elaun yang diberikan terhadap setiap pelantikan tersebut.
40. PR-1433-L11085
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan memandangkan PDF Lynas akan diletakkan di bawah *'institutional control'* selama 300 tahun, berapa kos pemantauan serta penyelenggaraan yang terlibat untuk jangkamasa 300 tahun ini. Adakah Lynas akan menanggung kos ini dan bilakah ia akan dibayar sepenuhnya.
41. PR-1433-L10554
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan/usaha pihak Kementerian menangani masalah akaun palsu dalam media sosial yang menimbulkan isu-isu dalam masyarakat kita.
42. PR-1433-L11180
Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi Kerajaan mengurangkan defisit semasa sekarang.
43. PR-1433-L10256
Puan Yeo Bee Yin [Bakri] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan perkembangan terkini rundingan perjanjian konsesi dengan Pakar Scieno TW untuk *Environmental Quality Monitoring Program (EQMP)*. Adakah tambahan nilai diperoleh daripada perkhidmatan sedia ada.
44. PR-1433-L11127
Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semua projek dan perolehan yang dianugerahkan oleh Kementerian Pengangkutan secara rundingan terus dari 1 Mac 2020 sehingga 31 Oktober 2020.

45. PR-1433-L10609
Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah bilangan orang yang lahir di Malaysia tetapi mempunyai kad pengenalan merah (pemastautin tetap) di negara kita, dan berapa bilangan permohonan untuk ditukar ke kad pengenalan biru yang telah diluluskan untuk tahun ini.
46. PR-1433-L11261
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan langkah pengasingan sisa di punca (*segregation at source*) sejak dikuatkuasakan dan impaknya terhadap peningkatan jumlah sisa pepejal yang dibawa ke tapak pelupusan.
47. PR-1433-L11436
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk melaksana moratorium Fasa 2 bagi membantu peminjam yang terkesan akibat wabak pandemik yang mengakibatkan sektor ekonomi merudum. Jika tidak, apakah tindakan yang akan diambil bagi membantu menangani masalah ekonomi rakyat.
48. PR-1433-L11192
Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah diluluskan untuk permohonan yang dikemukakan di negeri Sarawak dalam tahun 2019 dan 2020 dan berapakah masih belum diputuskan oleh Kementerian.
49. PR-1433-L11377
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini pelaksanaan Unit LAKSANA dalam memastikan inisiatif di bawah Pakej Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) bagi memastikan tiada sesiapa yang tertinggal.
50. PR-1433-L(5)00069
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah mekanisme pengeluaran wang dari Akaun 1 KWSP di bawah program i-Sinar seperti mana yang diumumkan oleh YB Menteri ketika penggulungan pada 26 November, dan berapa jumlah pencarum yang layak serta had maksimum pengeluaran yang dibenarkan.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

51. PR-1433-L11311
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan keberkesanan Akta Perlindungan Data Peribadi. Jumlah kes atau aduan, orang atau syarikat yang diambil tindakan sejak akta tersebut berkuatkuasa.
52. PR-1433-L11157
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai terperinci pecahan peruntukan dan perbelanjaan bagi setiap Kementerian dari bulan Januari 2020 sehingga kini mengikut peruntukan perbelanjaan pengurusan dan peruntukan perbelanjaan pembangunan, terutama sekali bagi bantuan COVID-19 dan penerima mengikut negeri dan agensi.
53. PR-1433-L10962
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status penubuhan Majlis Media Malaysia (*Malaysian Media Council*) memandangkan laporan telah disediakan oleh Jawatankuasa Protem Majlis Media Malaysia atas permintaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia telah pun dihantar dan draf telah pun siap dirangka oleh Jawatankuasa Protem Majlis Media Malaysia.
54. PR-1433-L(5)00071
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butiran dan program/aktiviti bawah Bekalan 11, Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021 di mana Sekolah Tahfiz, Sekolah Pondok Berdaftar dan Sekolah Agama Rakyat diperuntukkan RM100 juta. Sama ada peruntukan juga disediakan untuk Sekolah Menengah Persendirian Cina.
- [Pertanyaan di bawah PM.22(5)]**
55. PR-1433-L10340
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pengurusan Malaysia Airlines Berhad telah mendapatkan restu Kerajaan Persekutuan untuk mengumumkan penutupan sekiranya rundingan dengan syarikat pajakan kapal terbang berhubung rancangan penstrukturan semula gagal, sama ada Kerajaan Persekutuan akan melakukan 'bailout' bagi menyelamatkan syarikat penerbangan kebangsaan tersebut.
56. PR-1433-L10824
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kemas kini terkini rundingan 1MDB-IPIC dengan Abu Dhabi, termasuk sebarang jumlah dan jadual pembayaran yang dipersetujui, jika ada.

57. PR-1433-L10712

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status peruntukan yang diberikan kepada kampung-kampung baru di mana RM85 juta telah pun diumumkan dalam Belanjawan 2020. Nyatakan jumlah kampung baharu dan kriteria lantikan pegawai kampung baharu.

7. (D.R 23/2020) Rang Undang-Undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Kewangan]
8. (D.R 18/2020) Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2020 "
[Menteri Kewangan]
9. (D.R 24/2020) Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020 "
[Menteri Kewangan]
10. (D.R 25/2020) Rang Undang-Undang Cukai Pelancongan (Pindaan) 2020 "
[Menteri Kewangan]
11. (D.R 11/2020) Rang Undang-Undang Koperasi (Pindaan) 2020 – **Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (5 November, 2020)**
[Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi]
12. (D.R 13/2020) Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Sumber Manusia]
13. (D.R 14/2020) Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 "
[Menteri Sumber Manusia]

14. (D.R 15/2020) Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

15. (D.R 12/2020) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 "

[Menteri Dalam Negeri]

16. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM11,598 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Julai hingga Disember 2020 sebanyak RM5,166 juta serta baki wang terimaan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) sebanyak RM6,432 juta ke Kumpulan Wang Pembangunan."

17. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 2(2)(b) Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM4,438 juta wang terimaan Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) tahun 2020 di bawah seksyen 2(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan."

18. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM18,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) termasuk Sukuk Prihatin dari Julai hingga Disember 2020 ke Kumpulan Wang COVID-19. "

19. PR-1433-U(27)141

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan membentangkan langkah dan usaha yang diambil bagi menyelesaikan isu larangan ke atas produk syarikat pengeluar minyak sawit Malaysia FGV Holdings dan kempen anti minyak sawit di Eropah. Terdapat lebih 650,000 pekebun kecil bergantung kepada tanaman sawit dan jumlah ini mencecah 2.3 juta rakyat Malaysia sekiranya bilangan kanak-kanak daripada keluarga yang terbabit juga diambil kira. Larangan ini akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil dan peneroka yang bekerja keras demi menyara hidup mereka."

[Perdana Menteri]

20. PR-1433-U(27)144

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan yang lebih tegas terhadap isu mempersendakan institusi agama di media sosial. Perkara ini bukan sahaja telah menyebabkan kepada salah faham terhadap institusi tersebut, malah tulisan-tulisan berbentuk parodi yang diketengahkan telah mendorong kepada tanggapan negatif masyarakat terhadap ajaran Islam itu sendiri."

[Perdana Menteri]

21. PR-1433-U(27)145

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji keperluan mewujudkan semula Akta Anti Berita Tidak Benar bagi menangani penularan berita palsu dan fitnah yang semakin berleluasa. Penyebaran berita palsu mengancam keselamatan, kestabilan negara dan boleh menimbulkan suasana tidak tenteram dalam kalangan masyarakat majmuk. Kempen kesedaran perangi berita palsu wajar dipergiatkan agar rakyat lebih peka dan menyemak kesahihan sebelum menyebarkan sesuatu berita."

[Perdana Menteri]

22. PR-1433-U(27)146

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan pendekatan yang holistik terhadap isu pencemaran di sumber-sumber Loji Rawatan Air (LRA) sehingga menjejaskan aktiviti kehidupan seharian jutaan pengguna. Perkara ini memerlukan kepada penambahbaikan daripada aspek cegah rintang (*deterrence*) dalam peruntukan undang-undang sedia ada serta termasuklah aspek penguatkuasaan tempatan yang melibatkan semua pihak berkaitan."

[Menteri Alam Sekitar Dan Air]

23. PR-1433-U(27)147

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menambah anggota PERHILITAN serta aset-aset strategik dalam Parlimen Kemaman disebabkan masalah kekurangan anggota yang dihadapi ketika ini. Tambahan lagi, peningkatan hidupan liar seperti gajah di dalam Parlimen Kemaman sehingga memusnahkan tanaman penduduk setempat memerlukan perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

24. PR-1433-U(27)148

Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memperhalusi Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai Kesihatan Mental di negara ini khususnya dalam tempoh kritikal berhadapan penularan wabak Covid-19. Hal ini memerlukan kepada klasifikasi bentuk pendekatan yang berbeza terhadap kumpulan sasar tertentu seperti golongan barisan hadapan, pelajar sekolah dan sebagainya. Perkara ini wajar dijadikan agenda utama Kerajaan khususnya oleh pihak Kementerian itu sendiri."

[Menteri Kesihatan]

25. PR-1433-U(27)149

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan melakukan siasatan yang terperinci mengenai dakwaan wujudnya modus operandi baharu dalam trend pengedaran dadah di negara ini khususnya dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Perancangan strategik dalam menangani isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara ini perlu sentiasa mendapat perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

[Menteri Dalam Negeri]

26. PR-1433-U(27)150

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan supaya mengambil perhatian yang khusus mengenai pelan penyusunan semula operasi kecemasan Malaysia Airlines Berhad (MAB) ketika ini khususnya bagi menjamin kebajikan puluhan ribu pekerja yang bernaung di bawahnya mendapat pembelaan yang sewajarnya."

[Menteri Kewangan]

27. PR-1433-U(27)152

Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan usaha terkini Kerajaan khususnya pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, (COVAX) supaya Malaysia mendapat bekalan vaksin yang mencukupi serta pada kadar segera dengan harga berpatutan apabila vaksin berkenaan terbukti selamat dan berkesan. Perkara ini amat penting untuk dibincangkan kerana impak daripada wabak ini begitu besar dan berpanjangan."

[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]

28. PR-1433-U(27)164

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan tindakan yang lebih tegas dan menyeluruh membanteras sindiket judi dalam talian dan penipuan seperti Macau Scam. Sindiket scammer yang semakin berleluasa ini telah menyebabkan ramai mangsa yang terpedaya dan mengalami kerugian berjumlah puluhan ribu sehingga jutaan ringgit."

[Menteri Dalam Negeri]

29. PR-1433-U(27)166

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan membentangkan siasatan penuh terhadap insiden kemasukan bot-bot Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang seringkali berlaku khususnya melalui lorong-lorong tikus sama ada ia benar-benar melibatkan suatu sindiket jenayah antarabangsa mengenai penyeludupan manusia. Insiden ini juga memerlukan penyiasatan terhadap penglibatan tekong-tekong tempatan dan pegawai agensi penguatkuasa yang turut bersubahat dengan sindiket. Para pesalah ini wajar dikenakan hukuman yang setimpal atas jenayah yang dilakukan."

[Menteri Dalam Negeri]

30. PR-1433-U(27)135

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"MENYEDARI hakikat bahawa isu pemberian kewarganegaraan kepada Pendatang Tanpa Izin (PTI) adalah keprihatinan dan isu utama bagi Orang Asal Sabah ketika ini. Dan,

MENERIMA hakikat bahawa, seorang bernama Encik Hassnar Ebrahim telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 2 bulan dan menjalani Tahanan Kediaman Terhad selama 2 tahun kerana terlibat secara langsung di dalam proses mengeluarkan kad pengenalan projek kepada para pendatang asing Indonesia dan Filipina sejak tahun 1976.

MENERIMA hakikat bahawa Encik Hassnar Ebrahim telah membuat pengakuan terbuka di mahkamah, surat bertulis kepada MD Mutalib dan juga dalam pelbagai ceramah BAHAWASANYA pada ketika beliau ditangkap terdapat sekitar 300,000 PTI yang mendapat kad pengenalan biru.

MENERIMA juga hakikat tentang keterangan Encik Jabar Khan, bahawa beliau ditahan di bawah ISA selama 3 tahun (1996-1999) dan 2 tahun Tahanan Kediaman Terhad (2000-2002) di Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti pada 26 Februari 2007, kerana penglibatannya secara langsung dalam proses mengeluarkan kad pengenalan biru kepada para Pendatang Tanpa Izin (PTI) sebagai Setiausaha Task Force Jawatankuasa Pengundi Luar UMNO Sabah pada 1991.

Seterusnya MENERIMA keterangan dan pengakuan Encik Jabar Khan bahawa, setelah UMNO masuk ke Sabah pada tahun 1991, maka UMNO Sabah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengundi Luar ataupun Task Force yang diketuai oleh Bendahari UMNO Sabah ketika itu, Datuk Musa Aman, kini Tan Sri Musa Aman.

Menerima juga keterangan Encik Jabar bahawa 400,000 keping kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan daripada jumlah tersebut sebanyak 82,000 PTI telah dimasukkan dalam senarai pengundi di 30 kawasan DUN di Sabah.

MENYEDARI juga keterangan Encik Jabar Khan yang mengatakan bahawa, perbuatan KHIANAT yang dibuat oleh TASK FORCE UMNO Sabah itu bertujuan menjatuhkan Kerajaan Sabah di bawah teraju PBS ketika itu.

MENERIMA juga pengakuan Encik Hassnar Ebrahim bahawa, pada ketika dia ditangkap di bawah ISA sebanyak 300,000 kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan menurutnya kini lebih sejuta orang asing diberikan kerakyatan Malaysia melalui pintu belakang dan daripada jumlah tersebut sudah melahirkan lebih satu juta generasi TERAPUNG di negara ini.

Menyedari hakikat bahawa pertumbuhan penduduk Sabah sangat luar biasa berbanding Penduduk Sarawak pada masa yang sama seperti berikut :

Tahun	Sabah	Sarawak
1951	334,141	
1960	454,561	
1970	636,431	976,269
1980	929,299	1,235,553
1991	1,734,685	1,642,771
2000	2,449,389	2,012,616
2005	3,313,000	2,340,000
2010	3,330,000	2,560,000

Menyedari hakikat bahawa kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa ini adalah kesan daripada perbuatan khianat sepertimana keterangan dan pengakuan Encik Hassnar Ebrahim dan Encik Jabar Khan yang didalangi oleh pemimpin-pemimpin UMNO seperti Megat Junid dan Musa Aman.

Menyedari hakikat bahawa satu pengkhianatan dan jenayah telah berlaku yang melibatkan seluruh Jabatan Pendaftaran Negara dan juga kepimpinan negara.

Dan menerima hakikat bahawa, Pengerusi Jawatankuasa Keutuhan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada ketika itu telah mengarah Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Ketua Pengarah Jabatan Imigresen supaya tidak hadir memberi keterangan dalam Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti, yang akhirnya menyebabkan Pengerusinya, Tan Sri Bernard Dompok meletakkan Jawatan.

MENERIMA HAKIKAT bahawa hak-hak rakyat Orang Asal Sabah telah dirampas dan dicabuli oleh pengkhianat-pengkhianat yang rakus dan gila kuasa. Kini orang-orang Sabah merasa terpinggir di tanah air mereka sendiri.

MENERIMA KESAN secara langsung perbuatan khianat tersebut terhadap Orang Asal Sabah, menjadi miskin hanya kerana mereka terpaksa berkongsi kekayaan Sabah serta segala perkhidmatan Kerajaan dengan PTI. Akibatnya pendapatan per kapita GDP Sabah hanya USD5000 atau RM25 000 berbanding RM45 000 bagi Malaysia dan RM49 000 bagi Sarawak.

MENERIMA dan MENYEDARI fakta-fakta tersebut maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah menjalankan kewajipan untuk menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan dengan mempertimbangkan Usul Kewarganegaraan ini dengan meminta kesemua mereka yang disebut oleh Encik Hassnar dan Encik Jabar Khan supaya dibawa ke muka pengadilan di atas jenayah yang mereka telah lakukan.

Pada masa yang sama kad pengenalan Malaysia yang ada pada hari ini hendaklah diganti dengan yang baru dan setiap pemegang kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah memohon kembali dengan menggunakan surat beranak yang sahiah ataupun dokumen-dokumen yang sah laku daripada segi undang-undang. "

[Menteri Dalam Negeri]

31. PR-1433-U(27)136

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Malaysia."

[Menteri Perpaduan Negara]

32. PR-1433-U(27)137

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan Tempatan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

33. PR-1433-U(27)138

